

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/03/26\_19 (HQ)

### KERJASAMA TNB-GDS MEMBERI ISYARAT PERTUMBUHAN POSITIF DALAM PELABURAN ASING UNTUK PASARAN PUSAT DATA DI MALAYSIA

- TNB menjalin kerjasama & perkongsian strategik untuk bekalan elektrik voltan tinggi ke Pusat Data GDS di Nusajaya Tech Park, Johor Bahru
- Pusat Data GDS Nusajaya Tech Park Fasa 1 akan memulakan operasi dengan bekalan interim 16MW pada pertengahan 2023
- TNB komited untuk menyediakan bekalan kekal sebanyak 85.5MW dalam tahun 2023

Bagi menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi hab pusat data serantau, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** telah menjalin perkongsian strategik dengan **GDS IDC Services (Malaysia) Sdn Bhd (GDS)** melalui penyediaan bekalan elektrik voltan tinggi kepada kampus pertama pusat data GDS di negara ini.

Kerjasama TNB-GDS melalui Perjanjian Bekalan Elektrik (Electricity Supply Agreement (ESA)) itu, telah dimeterai pada Oktober 2022. Di bawah perjanjian tersebut, TNB menasarkankan untuk memenuhi keperluan tenaga bagi kampus pusat data GDS di Nusajaya Tech Park di Johor Bahru.

TNB telah mengambil langkah-langkah untuk membolehkan pusat data itu mula beroperasi pada Julai 2023 melalui bekalan sementara sebanyak 16MW. Persediaan sedang dijalankan untuk memastikan peningkatan permintaan maksimum sebanyak 85.5MW dapat disalurkan dalam tempoh 2023.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din berkata, melalui penyediaan bekalan tenaga, TNB melengkapkan dasar mesra pelaburan asing kerajaan untuk memupuk pasaran pusat data yang sihat dan membantu industri mencapai objektif perniagaannya.

Berucap pada Majlis Menandatangani Perjanjian Tambahan kepada ESA yang diadakan di TNB Platinum, Bangsar pada 21 Mac 2023, beliau berkata sebagai perbadanan utiliti negara, TNB komited sepenuhnya dalam menyediakan bekalan elektrik tepat pada masanya dan berdayaharap mengikut tempoh masa yang dipersetujui.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Ketua Pegawai Retail TNB, Kamal Arifin A. Rahman dan Ketua Pegawai Operasi GDS, Jamie Khoo. Majlis disaksikan oleh Ir. Baharin Din dan Pengerusi, Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif GDS, William Wei Huang.

Sambil menyatakan bahawa TNB dan GDS berkongsi matlamat dan cita-cita bersama ke arah masa depan yang lebih hijau, Baharin berkata, "Kami yakin kerjasama kami dengan GDS mempunyai potensi besar untuk memberi manfaat kepada kedua-dua pihak serta rakyat Malaysia. Bagi menyokong aspirasi GDS untuk menjadi syarikat pusat data pertama yang mencapai neutral karbon, dengan penggunaan 100% Tenaga Boleh Baharu (TBB) menjelang 2030, TNB akan memperluaskan kerjasamanya dalam penyediaan solusi tenaga pintar."

Beliau menambah bahawa kerjasama ini "adalah salah satu daripada banyak inisiatif yang mempercepatkan pertumbuhan ekonomi digital negara, di mana ianya terus didorong oleh peningkatan penggunaan perkhidmatan berasaskan awan, IoT, analisis data besar dan kepesatan pendigitalan di rantau ini."

Sementara itu, William berkata, "Kami sangat gembira untuk mengukuhkan hubungan kami dengan TNB. Dengan komitmen TNB yang tidak berbelah bahagi dalam menyediakan bekalan elektrik yang berdaya harap ke kampus pusat data kami di Johor, GDS berada pada kedudukan yang baik untuk menawarkan perkhidmatan pusat data bertaraf dunia di rantau ini, mengukuhkan lagi infrastruktur digital Malaysia dan mempercepatkan transformasi dan pertumbuhan digitalnya.

"Di samping itu, kami berharap kerjasama dengan TNB dalam penggunaan TBB sebagai sebahagian daripada usaha pembangunan mampan kami, seperti penyelesaian hijau pintar, termasuk solar atas bumbung dengan GSPARX, solusi sambungan dengan Allo, dan teknologi hijau baharu dengan TNB Renewables.

"Melalui kerjasama strategik ini, kami percaya kami dapat memberikan sumbangan penting untuk menyokong cita-cita Malaysia untuk menjadi hab pusat data dan memacu ekonomi digital serantau. Kami berterima kasih atas sokongan dan usaha TNB untuk memupuk perkongsian yang bermanfaat di masa hadapan."

Dalam memacu peralihan tenaga negara, TNB memberi tumpuan kepada menyediakan penyelesaian tenaga mampan bagi memupuk pasaran yang kondusif untuk pelabur tempatan dan asing. Inisiatif ini berpaksikan kepada aspirasi TNB untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 26 Mac 2023, jam 10:00 pagi**

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi:

TNB

*Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

GDS IDC Services (Malaysia) Sdn Bhd

*[gdsintlmtg@gds-international.com](mailto:gdsintlmtg@gds-international.com) / +65 60150519,  
atau Yoyo Ko, [yoyo.ko@hkstrateiges.com](mailto:yoyo.ko@hkstrateiges.com)*

## Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad ([www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my)) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan jejak antarabangsa di United Kingdom, Kuwait, Turkiye, Arab Saudi dan India. Dalam bidang Tenaga Boleh Baharu setakat Disember 2022, TNB memiliki kapasiti bekalan elektrik berjumlah 2,896MW di Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 993MW di seluruh UK, Turkiye, dan India yang meliputi penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Di samping menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 Disember 2022, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.6 juta pelanggan.

## Mengenai GDS IDC Services (Malaysia) Sdn Bhd

GDS IDC Services (Malaysia) Sdn Bhd adalah anak syarikat GDS Holdings Limited (NASDAQ: GDS; HKEX: 9698). GDS adalah pemaju dan pengendali pusat data berprestasi tinggi terkemuka di China. Fasiliti syarikat terletak secara strategik di hab ekonomi utama China di mana permintaan untuk perkhidmatan pusat data berprestasi tinggi tertumpu. Syarikat juga membina, mengendalikan, dan memindahkan pusat data di lokasi lain yang dipilih oleh pelanggannya untuk memenuhi keperluan mereka yang lebih luas. Pusat data syarikat mempunyai keluasan lantai bersih yang besar, kapasiti kuasa tinggi, ketumpatan dan kecekapan, dan pelbagai redundansi merentas semua sistem kritikal.

GDS adalah pembawa dan neutral awan, yang membolehkan pelanggannya mengakses semua rangkaian telekomunikasi PRC utama, serta PRC terbesar dan awan awam global yang dihoskan di kebanyakan fasilitinya. Syarikat menawarkan lokasi bersama dan rangkaian perkhidmatan nilai tambah, termasuk perkhidmatan awan hibrid terurus melalui sambungan peribadi langsung ke awan awam terkemuka, perkhidmatan rangkaian terurus, dan, jika diperlukan, penjualan semula perkhidmatan awan awam. Syarikat mempunyai rekod prestasi selama 22 tahun dalam penyampaian perkhidmatan, berjaya memenuhi keperluan beberapa pelanggan yang besar dan paling menuntut (most demanding) untuk perkhidmatan pusat data penyumberan luar di China. Pangkalan pelanggan Syarikat kebanyakannya terdiri daripada penyedia perkhidmatan awan berskala besar, syarikat internet besar, institusi kewangan, pembawa telekomunikasi, penyedia perkhidmatan IT, dan sektor swasta domestik dan syarikat multinasional yang besar.



Ketua Pegawai Retail TNB, Kamal Arifin A. Rahman (dua, kiri) menyampaikan Perjanjian Tambahan kepada Perjanjian Bekalan Elektrik (ESA) yang ditandatangani kepada Ketua Pegawai Operasi GDS, Jamie Khoo (dua, kanan). Majlis tersebut disaksikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din (kiri) dan Pengasas, Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif GDS, William Wei Huang (kanan).